YAP SIEW TIONG

lwn.

MATSUSHITA INDUSTRIAL CORPORATION SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
YAACOB ISMAIL H
[GUAMAN NO: S5-22-700-2002]
8 OGOS 2003

PROSEDUR SIVIL: *Writ saman - Servis - Penyerahan salinan fotostat secara pos AR berdaftar - Kegagalan menyampaikan writ bermeterai secara kediri (personal) - Sama ada penyampaian tersebut cacat dan tidak sah di sisi undang-undang - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 62 kk. 3 & 4*

PROSEDUR SIVIL: *Bidangkuasa - Mahkamah Tinggi - Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Selangor - Sama ada bidangkuasa tempatan yang berbeza - Indorsemen berhubung dengan tempoh memasuki memorandum kehadiran - Sama ada 8 atau 12 hari - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 12 k. 4*

Permohonan defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintiff telah dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar dengan kebebasan dan kos. Plaintif tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut lalu memfailkan rayuan. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan di hadapan mahkamah adalah: (1) sama ada penyampaian writ saman berserta pernyataan tuntutan plaintiff adalah cacat dan tidak sah di sisi undang-undang dan (2) sama ada masa yang diperuntukkan untuk defendan memasukkan memorandum kehadiran adalah 12 hari atau 8 hari mengikut A. 12 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Diputuskan:

[1] Pematuhan secara ketat terhadap kaedah-kaedah yang diperuntukkan adalah diperlukan lebih-lebih lagi di dalam kes ini, penyampaian adalah terhadap sebuah syarikat di mana A. 62 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT) adalah terpakai. Plaintif hanya menyerahkan salinan fotostat writ tersebut, dan selain dari itu, penyampaian writ juga telah dibuat secara pos AR berdaftar dan bukannya secara kediri (personal). Plaintif juga tidak berusaha untuk menyampaikan writ bermeterai. Oleh yang demikian, penyampaian salinan fotostat writ di sini oleh plaintif adalah cacat dan tidak sah di sisi undang-undang. (ms 270 d-e)

[2] Writ saman telah difailkan di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dan telah di serahkan kepada defendan yang beralamat di Selangor. Mahkamah tinggi Kuala Lumpur dan Selangor adalah merupakan bidangkuasa tempatan yang berbeza. Plaintif mengakui bahawa indorsemen berhubung dengan tempoh untuk memasuki memorandum kehadiran telah salah ditaipkan di mana tempoh sepatutnya 12 hari dan bukan 8 hari. Maka pengindorsan tempoh 8 hari tersebut adalah bertentangan dengan A. 12 k. 4 KKMT 1980. Tiada sebarang permohonan pindaan dibuat oleh plaintif untuk memperbetulkan keadaan dan plaintif gagal memohon untuk meminda writ tersebut. Kegagalan plaintif mengindorskan tempoh masa yang betul untuk defendan memasuki kehadiran adalah satu ketinggalan yang serius. Keputusan penolong kanan pendaftar membatalkan writ saman dan juga penyerahan writ oleh plaintif di sini adalah betul. (ms 271 c-e & 272 a)

[Rayuan plaintif ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v. Dominance Resources Sdn Bhd & Anor [2002] 5 CLJ 1 MT ***(dibezakan)***

Khooi Beng Aun v. Koh Chin Lean [1994] 4 CLJ 138 MT ***(dirujuk)***

Seng Loong Trading Co v. Angel Department Stores Sdn Bhd [1987] 1 MLJ 310 ***(dirujuk)***

Wong Yok Moi v. Yong You Min [2001] 7 CLJ 296 MT ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, O. 1 r. 4, O. 2 r. 2, O. 6 r. 6(2), O. 10, O. 12 r. 4(a), O. 18 r. 19(1)(b), (c)

Bagi pihak plaintif - S Ravichandran; T/n Ngeh & Co
Bagi pihak defendan - Alex Charles; T/n Nor Ashikin & Rakan-rakan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Yaacob Ismail H:

Latar Belakang Rayuan

Melalui saman dalam kamar (kand. 4), defendan telah mendapat kebenaran mahkamah untuk memasukkan Memorandum Kehadiran Bersyarat. Permohonan ini telah tidak dicabar oleh plaintif.

Defendan selanjutnya telah memfailkan saman dalam kamar (kand. 8), antara lain memohon untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 4 Julai 2002 menurut A. 18 k. 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKMT 1980 atau secara alternatif penyerahan writ tersebut diketepikan menurut A. 2 k. 2 KKMT 1980.

Saman dalam kamar (kand. 8) telah dibicarakan oleh penolong kanan pendaftar. Pada 19 November 2002, beliau telah memutuskan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan dengan kebebasan dan kos. Pihak plaintif tidak berpuashati dengan keputusan penolong kanan pendaftar tersebut lalu memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (kand. 17).

Fakta Kes

Plaintif adalah seorang peniaga dan merupakan warganegara Singapura. Defendan adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan pembuat hawa dingin.

Plaintif telah diperkenalkan kepada defendan melalui seorang agen. Plaintif telah bersetuju untuk membeli secara langsung sebanyak 220 unit penghawa dingin daripada defendan. Plaintif mendakwa telah membuat bayaran kepada defendan sejumlah Singapore Dollars 201,282.25 yang mana pada masa material itu adalah bersamaan dengan RM418,206. Bagaimanapun sehingga hari ini unit-unit tersebut telah gagal dihantarserah oleh defendan kepada plaintif.

Secara alternatif, plaintif mendakwa bahawa wang tersebut telah tersalah dibayar kepada defendan tanpa sebarang balasan (consideration). Defendan gagal mengembalikan wang tersebut walaupun telah diminta. Oleh itu, melalui tindakan ini plaintif menuntut wang tersebut dikembalikan.

Keputusan

Pada 26 Jun 2003 (kand. 17) telah dibicarakan. Setelah meneliti kertas kausa relevan dan setelah menimbangkan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan rayuan plaintif (kand. 17) ditolak dengan kos.

Plaintif tidak berpuashati dengan keseluruhan keputusan mahkamah ini lalu memfailkan rayuan.

Alasan-alasan

Antara isu-isu yang telah dibangkit oleh defendan sebagai menyokong permohonan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan atau secara alternatifnya mengenepikan penyerahan writ saman kepada defendan oleh plaintif adalah seperti berikut:

Penyampaian writ saman berserta pernyataan tuntutan bertarikh 4 Julai 2002 adalah cacat dan tidak sah di sisi undang-undang.

Berhubung dengan isu ini, rujukan telah dibuat kepada A. 1, 6 dan 10 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT).

Aturan 10 k. 1 memperuntukan "Subject to the provisions of any written law and these rules, a writ must be served personally on each defendant or by sending it by prepaid AR registered post addressed to his last known address and so far as practicable, the first attempt at service shall be made not later than one month from the date of issue of writ.

Aturan 1 k. 4 mendefinasi "writ" means a writ of summons manakala A. 6 k. 6(2) memperuntukkan "A plaintiff or his solicitor must, on presenting a writ for sealing, leave with the registrar the original and a copy together with as many copies thereof as there are defendants to be served".

Di dalam kes di hadapan mahkamah, sesalinan fotostat writ saman berserta pernyataan tuntutan telah diserahkan kepada defendan melalui pos AR berdaftar. Salinan writ fotostat tersebut telah diterima oleh defendan pada 7 Ogos 2002 di alamat mereka.

Plaintif tidak mempertikaikan dakwaan defendan bahawa salinan writ yang telah disampaikan kepada defendan adalah merupakan salinan fotostat. Bagaimanapun, plaintif menghujah bahawa penyerahan salinan fotostat writ tersebut adalah sah berdasarkan kepada kes *Wong Yok Moi v. Yong You Min* [2001] 7 CLJ 296 dan kes *Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v. Dominance Resources Sdn Bhd & Anor* [2002] 5 CLJ 1.

Fakta-fakta kes-kes yang disandarkan oleh plaintif di atas adalah berbeza dengan fakta kes yang dirayu ini. Kes-kes tersebut adalah berkaitan dengan penyampaian writ secara penyampaian kediri (personal service) menurut A. 62 k. 3 KKMT 1980 tetapi di dalam kes ini penyampaian writ adalah secara pos AR berdaftar dan penyampaian adalah terhadap sebuah syarikat di mana A. 62 k. 4 KKMT 1980 adalah terpakai.

Fakta kes tersebut adalah berbeza dengan fakta kes ini di mana plaintif di dalam kes tersebut telah mengambil langkah menyerahkan semula writ saman berserta pernyataan tuntutan yang telah bermeterai sekali lagi kepada defendan. Sebaliknya di dalam kes ini, plaintif hanya menyerahkan salinan fotostat writ tersebut melalui post AR berdaftar dan tiada sebarang langkah telah diambil untuk menyerahkan salinan writ bermeterai sekali lagi sepertimana yang telah dilakukan di dalam kes *Wong Yok Moi* tersebut.

Di dalam kes *Khooi Beng Aim v. Koh Chin Lean* [1994] 4 CLJ 138 Haji Abdul Malik bin Haji Ishak PK telah memutuskan:

> 1) The service with photostat copies of the writ and the statement of claim on the defendant was clearly against O. 62 r. 3 of the Rules of the High Court 1980. Such non-compliance with that order cannot be treated as a mere irregularity which can be waived but rather as a matter which prevents any further proceeding from being taken.

Pematuhan secara ketat terhadap kaedah-kaedah yang diperuntukkan adalah diperlukan lebih-lebih lagi di dalam kes ini, penyampaian adalah terhadap sebuah syarikat. Selain dari itu penyampaian writ juga telah dibuat secara pos AR berdaftar dan bukannya secara kediri di mana defendan berpeluang untuk memohon plaintif mengemukakan salinan writ dan pernyataan tuntutan yang bermeterai dan tulin yang telah diisukan oleh mahkamah.

Plaintif juga di dalam kes ini di dapati tidak berusaha untuk menyampaikan writ bermeterai selepas penyerahan salinan writ fotostat itu. Oleh yang demikian, penyampaian salinan fotostat writ di sini oleh plaintif adalah cacat dan tidak sah di sisi undang-undang.

Samada masa yang diperuntukkan untuk defendan memasukkan memorandum kehadiran adalah 12 hari atau 8 hari bagi Negeri Selangor

Berhubung dengan isu ini A. 12 k. 4(a) KKMT 1980 memperuntukkan "in the case of a writ served within the local jurisdiction of each High Court in Malaya, to eight days and served outside such local jurisdiction but within the jurisdiction of Malaya, to 12 days after service of the writ (including the day of service) or, where that time has been extended by or by virtue of these rules, to that time as so extended".

Malaysian Court Practice – High Court (Issue 4) para 12.4.4 di bawah tajuk *"Local Jurisdiction"* menjelaskan:

> Note however that now the Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor have their own respective High Courts. Therefore if a person issues a writ at the registry of the High Court at Kuala Lumpur to serve on the defendant having an address of service at Selangor, the plaintiff must then issue an endorsement giving twelve days time limit for entering appearance and not eight days, as both places must be treated as separate states.

Di dalam kes ini, plaintif tidak mempertikai bahawa writ saman telah difailkan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Plaintif juga tidak mempertikai bahawa writ saman tersebut telah diserahkan kepada defendan yang beralamat di Selangor di mana alamat berdaftar dan perniagaan defendan dijalankan di Selangor. Plaintif juga mengakui bahawa indorsmen berhubung dengan tempoh untuk memasuki memorandum kehadiran telah salah ditaipkan di mana tempoh sepatutnya 12 hari dan bukan 8 hari. Tiada sebarang permohonan pindaan telah dibuat oleh plaintif untuk membetulkan keadaan tersebut.

Oleh yang demikian, berhubung dengan kegagalan plaintif mengindorskan tempoh masa yang betul untuk defendan memasukki kehadiran bukanlah suatu yang di luar aturan. Ianya adalah satu ketinggalan yang serius. Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Gunn Chit Tuan J di dalam kes *Seng Loong Trading Co. v. Angel Department Stores Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 310 di ms 311 para. C-E (kanan) demikian:

> It is pointed out in *Mallal's Supreme Court Practice* (2nd edn) at 72 that the provisions of Order 12 rule 4 of the Rules of the High Court in Malaysia take into account the presence of a Registry in each state and make allowance for the possible delay in postal deliveries. For that reason the figure "eight" in the Writ of Summons (Form 2) wherever it appears must be amended to "twelve" if a West Malaysia writ is for service in another state in West Malaysia and to "ten" and "twenty" as the case may be in a writ issued either in Sabah or Sarawak.

Di dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dan Selangor adalah merupakan dua bidang kuasa tempatan yang berbeza. Maka pengindorsan tempoh lapan hari tersebut adalah bertentangan dengan A. 12 k. 4 KKMT 1980.

a Plaintif mengakui kesilapan tersebut dan menyatakan ianya adalah kesilapan menaip. Plaintif bagaimanapun gagal memohon untuk meminda writ tersebut. Oleh itu, keputusan penolong kanan pendaftar membatalkan writ saman dan juga penyerahan writ oleh plaintif di sini dengan kebebasan memfailkan semula adalah betul.

b Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas berhubung dengan dua isu utama yang telah dibangkitkan oleh defendan, permohonan defendan untuk membatalkan tindakan plaintif di sini adalah wajar. Bukan sahaja penyampaian writ tidak teratur malah pengindorsan pada writ juga adalah cacat dan tidak sah. Plaintif juga tidak diprejudiskan dengan
c keputusan PKP di sini kerana writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut telah dibatalkan dengan kebebasan memfailkan semula. Plaintif masih berpeluang untuk mengambil tindakan dengan memfailkan writ saman yang teratur dan seterusnya membuat penyampaian yang sempurna terhadap defendan.

d Oleh itu mahkamah memutuskan untuk menolak rayuan plaintif dengan kos.

---

e

f

g

h

i